

>>Oleh Norfaisal Jahuri
am@hmetro.com.my

Logo halal 'pork-free'

MELAKA: Arahan supaya semua premis menjual makanan di Malaysia hanya menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang berkuat kuasa sejak dua bulan lalu, masih gagal dipatuhi sepenuhnya.

Tinjauan Metroplus mendapati masih banyak restoran di sekitar bandar ini menggunakan logo halal dipercayai dikeluarkan syarikat swasta bagi menarik kehadiran pengguna Islam.

Malah, ada juga sebuah restoran menggunakan logo bentuknya seakan logo halal Jakim, tetapi di dalamnya tertera 'pork-free' atau bebas daging babi.

Penggunaan logo berkenaan masih menimbulkan tanda tanya terhadap pengguna Islam mengenai penguatkuasaan yang sepatutnya dilakukan bagi memastikan tidak timbul kekeliruan.

Pengguna, Shahril Mohd Zangi, 34, berkata isu halal

terutama makanan amat penting dan kerajaan perlu bertindak lebih tegas kepada peniaga yang gagal mematuhi arahan.

Katanya, mungkin tidak semua pengguna Islam di Malaysia tahu mengenai hanya satu logo diiktiraf dan peniaga belum menurunkan logo halal lain.


"Apabila perkara ini tidak dipantau pengguna Islam terus makan di situ sedangkan status halalnya masih diragui.

"Sepatutnya pemantauan dan operasi besar-besaran dilakukan untuk mengarahkan peniaga terbabit menurunkan logo halal selain dikeluarkan Jakim bagi mengelakkan kekeliruan," katanya.

Shahril berkata, Melaka turut dikunjungi pelancong Islam dari luar negara, mungkin mereka tidak mengetahui hanya logo halal Jakim diiktiraf.

>LIHAT MUKA 2

...a food,



MENGELIRUKAN...logo yang tertera 'pork-free'.